



SUK.D200(06)600/9/Jld 16(10)

**KERAJAAN NEGERI KELANTAN**

---

**PEKELILING PERKHIDMATAN NEGERI  
BILANGAN 1 TAHUN 2021**

---

**BANTUAN KHAS KEWANGAN TAHUN 2021**

Adalah dimaklumkan bahawa Kerajaan Negeri telah bersetuju menerima pakai Pekeliling Perkhidmatan Negeri Bilangan 1 Tahun 2021 bagi Anggota Perkhidmatan Awam Negeri Kelantan.

2. Pekeliling Perkhidmatan ini berkuat kuasa **mulai tarikh ianya dikeluarkan.**
3. Pekeliling Perkhidmatan berkenaan boleh dimuat turun melalui laman web [www.kelantan.gov.my](http://www.kelantan.gov.my).

**“RAJA BERDAULAT, RAKYAT MUJAFKAT, NEGERI BERKAT”**

**DATO' HAJI TENGGU AZMI BIN HAJI TENGGU JAAFAR, D.P.S.K. (Kelantan)**

Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan)

**b.p. SETIAUSAHA KERAJAAN  
NEGERI KELANTAN**

Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan

**KOTA DARULNAIM**

Bertarikh : 7 Jamadilawal 1442H bersamaan

11 Januari 2021

Kepada: Semua Ketua Jabatan Negeri  
Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri  
Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Berkanun Negeri  
Ketua Pengurusan Urusetia Kerajaan Negeri  
Semua Ketua Bahagian/Unit Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan



## KERAJAAN NEGERI KELANTAN

---

### PEKELILING PERKHIDMATAN NEGERI BILANGAN 1 TAHUN 2021

---

#### BANTUAN KHAS KEWANGAN TAHUN 2021

#### 1. TUJUAN

Pekeliling Perkhidmatan ini adalah bertujuan untuk melaksanakan keputusan Kerajaan Negeri Kelantan mengenai Bayaran Bantuan Khas Kewangan Tahun 2021 kepada Pegawai Perkhidmatan Awam Negeri Kelantan Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta Kumpulan Pelaksana Gred 56 dan ke bawah.

#### 2. LATAR BELAKANG

2.1 Keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Kali Ke 27/2020 Di Bawah Perkara-perkara lain (3) yang bersidang pada 30 Disember 2020 bersetuju Bantuan Khas Kewangan Tahun 2021 kepada Anggota Pentadbiran Awam Negeri Kelantan yang layak dibayar sebanyak RM1000.00 dan pegawai lantikan politik yang layak sebanyak RM500.00.

#### 3. PEGAWAI YANG LAYAK

3.1 Bayaran layak diberikan kepada:

- (i) pegawai Perkhidmatan Awam Negeri Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta Kumpulan Pelaksana Gred 56 dan ke bawah yang masih berkhidmat pada 21 Januari 2021 sebanyak **RM1000.00**;

- (ii) pegawai Perkhidmatan Awam Negeri Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta Kumpulan Pelaksana yang layak tersebut merupakan:
  - a. pegawai lantikan tetap, sementara, *Contract Of Service (COS)*, *Contract For Service (CFS)*, berelaun dan sambilan;
  - b. pegawai yang bercuti bergaji penuh;
  - c. pegawai yang bercuti separuh gaji;
  - d. pegawai yang bercuti tanpa gaji; dan
  - e. pegawai yang dipinjamkan termasuk ke agensi yang diasingkan pengurusan saraannya. Bantuan Khas Kewangan ini akan dibayar oleh agensi yang menerima peminjaman pegawai.
  
- (iii) pegawai lantikan politik layak dibayar sebanyak **RM500.00** adalah :-
  - a. penghulu;
  - b. kakitangan pegawai halaqat;
  - c. dan lain-lain lantikan politik yang dibayar secara bulanan.

#### 4. PEGAWAI YANG TIDAK LAYAK

4.1 Pembayaran ini tidak layak diberikan kepada;

- (i) pegawai dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi dan setaraf termasuk pegawai yang memangku, diluluskan Elaun Tidak Berpencen (ETB), dipinjam/ tukar sementara dan penempatan khas ke Gred Jawatan Utama/ Gred Khas;
- (ii) pegawai yang dikenakan hukuman tatatertib dalam tempoh 1 Januari 2021 hingga 21 Januari 2021;
- (iii) pegawai yang ditamatkan perkhidmatan demi kepentingan awam dalam tempoh 1 Januari 2021 hingga 21 Januari 2021;

- (iv) pegawai yang meletak jawatan dalam tempoh 1 Januari 2021 hingga 21 Januari 2021 dan
- (v) pegawai berpencen yang melepaskan hak pencen kerana menyertai Badan Berkanun Yang Diasingkan Saraan.

## 5. **TARIKH PEMBAYARAN**

Bantuan Khas Kewangan Tahun 2021 ini akan dibayar pada **21 Januari 2021** dan menjadi tanggungan jabatan di mana pegawai berkhidmat pada tarikh pembayaran.

## 6. **PEGAWAI YANG DITANGGUHKAN BAYARAN KHAS KEWANGAN (BKK)**

Pegawai yang ditahan kerja, digantung kerja atau surat pertuduhan telah dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tatatertib ditangguhkan Bantuan Khas Kewangan Tahun 2021 ini. Pegawai hanya layak dibayar sekiranya Pihak Berkuasa Tatatertib mendapati pegawai tersebut tidak bersalah.

## 7. **PESARA**

- 7.1 Pesara Kerajaan Perkhidmatan Awam Negeri yang menerima pencen dan termasuk penerima pencen terbitan di bawah undang-undang pencen dan pesara Skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) yang bersara daripada Perkhidmatan Awam Negeri apabila mencapai opsyen umur persaraan pada atau sebelum 21 Januari 2021 akan dibayar sebanyak RM300.00 oleh Jabatan Perkhidmatan Awam;
- 7.2 Pesara Perkhidmatan Awam Negeri yang dilantik semula secara *Contract Of Service (COS)*, *Contract For Service (CFS)* dan *Sambilan* yang masih berkhidmat pada 21 Januari 2021 layak dibayar sebanyak RM1000.00. Pembayaran sebanyak RM300.00 akan dibuat

oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dan bakinya sebanyak RM700.00 akan dibayar oleh jabatan di mana pegawai sedang berkhidmat.

7.3 Dalam keadaan seseorang adalah seorang yang masih berkhidmat dan pada masa yang sama adalah Pesara Perkhidmatan Awam Negeri bayaran terhad kepada RM1000.00 sahaja.(Pembayaran sebanyak RM300 dibayar oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dan RM700 dibayar oleh Kerajaan Negeri Kelantan).

#### 8. PEGAWAI MENINGGAL DUNIA DALAM PERKHIDMATAN

Pegawai Perkhidmatan Awam Negeri yang meninggal dunia pada 21 Januari 2021 layak diberi Bantuan Khas Kewangan Tahun 2021 sebanyak RM1000.00.

#### 9. TARIKH KUAT KUASA

Pekeliling Perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai tarikh ianya dikeluarkan.

#### 10. PEMAKAIAN

Ketua Jabatan/PTJ hendaklah memastikan peraturan yang ditetapkan dalam Pekeliling Perkhidmatan ini dipatuhi. Peruntukan pekeling ini juga dipanjangkan kepada penerimaan pakai oleh Pihak Berkuasa Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri.

Sekian, terima kasih.

“RAJA BERDAULAT, RAKYAT MUAFAKAT, NEGERI BERKAT”

  
DATO' HAJI TENGKU AZMI BIN HAJI TENGKU JAAFAR, D.P.S.K. (Kelantan)  
Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan)

No. Rujukan : SUK.D200(06)600/9/Jld 16(15)

Bertarikh : 27 Jamadilawal 1442H

11 Januari 2021